

20/07/2000

Usaha sama Honda, DRB-Hicom tidak jejas Proton

PUTRAJAYA, Rabu - Usahasama Honda Motor Co Ltd dari Jepun, DRB-Hicom Bhd dan Oriental Holdings Bhd untuk mengeluarkan dan mengedar alat ganti, aksesori dan komponen automobil Honda, tidak akan menjejaskan Proton.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sebaliknya Proton masih mempunyai kelebihan kerana ia adalah kereta nasional manakala usaha sama itu bukan untuk mengeluarkan kereta nasional.

"Namun, usaha sama ini menandakan satu pembabitan lebih mendalam oleh pembuat kereta di dalam pasaran Malaysia, yang dijangka lebih kompetitif daripada sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyaksikan upacara menandatangani memorandum persetujuan (MoA) di antara tiga pihak terbabit di sini petang ini.

MoA itu adalah untuk mengeluarkan dan mengedar alat ganti, aksesori dan komponen automobil Honda.

Mengikut syarat MoA itu, ketiga-tiga pihak terbabit akan menubuhkan sebuah entiti baru dikenali sebagai DRB-Oriental-Honda Sdn Bhd, yang akan diperbadankan awal tahun depan dengan modal dibenarkan sebanyak RM500 juta (AS\$130 juta).

DRB-Hicom akan memegang 36 peratus di dalam usahasama itu, Oriental 15 peratus dan Honda 49 peratus. Usaha sama itu dilihat sebagai peningkatan besar kepada industri automotif Malaysia.

Pada upacara menandatangani itu, DRB-Hicom diwakili Pengerusi Eksekutifnya Tan Sri Mohamed Saleh Sulong, Oriental oleh pengerusinya, Datuk Loh Cheng Ean, dan Honda oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Hiroyuki Yoshino.

Hadir sama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan duta Jepun ke Malaysia, Hideki Harashima.

Ditanya lokasi kilang bagi usaha sama itu, Dr Mahathir berkata ia belum diputuskan tetapi terpulang kepada rakan kongsi dalam DRB-Oriental-Honda Sdn Bhd untuk menentukannya.

Mohd Saleh yang hadir sama bagaimanapun berkata entiti baru mempunyai dua pilihan iaitu sama ada menggunakan kilang-kilang sedia ada dimiliki oleh DRB-HICOM atau menubuhkan sebuah kilang yang baru.

Dr Mahathir yang turut diminta mengulas laporan akhbar yang NTT membatalkan perundingan untuk membeli kepentingan di dalam Telekom Malaysia, berkata: "Saya tidak tahu. Saya juga membaca akhbar seperti anda semua,".

Beliau juga berkata bahawa Malaysia terus komited mengenai pelaksanaan perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) membabitkan sektor automatif pada tahun 2005.

Mengenai tiada kemajuan kepada rundingan antara Proton-Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON), Dr Mahathir berkata: "Bila ada perbezaan pandangan, anda terpaksa longgarkan permintaan anda sendiri dan mencapai sedikit persetujuan."

(END)